

Isnin, 5 Disember 2016

1. Telefon bimbit khas dapatkan ambulans

LABIS 4 Dis. - Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parliment Labis akan memberi sebuah telefon bimbit khas kepada petugas panggilan Klinik Kesihatan Labis bagi memudahkan penduduk menghubungi mereka untuk mendapat perkhidmatan ambulans sekiranya berlaku kecemasan.

Ahli Parliment Labis, Datuk Chua Tee Yong berkata, bil telefon tersebut juga akan dibiayai sepenuhnya oleh beliau sebagai maklum balas terhadap aduan penduduk yang memberitahu perkhidmatan ambulans di Klinik Kesihatan Labis sering lewat tiba ke lokasi kejadian.

"Klinik ini telah dinaik taraf pada tahun 2011 dengan peruntukan sebanyak RM30 juta dan merupakan klinik kategori tiga yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan kesihatan seperti fisioterapi dan sinar-x.

"Berdasarkan statistik yang diberikan, kira-kira 250 pesakit mendapatkan rawatan di klinik ini setiap hari namun terdapat aduan daripada penduduk terutamanya melibatkan komunikasi walaupun saya percaya petugas di klinik ini telah berkhidmat dengan cemerlang," katanya selepas melakukan lawatan ke Klinik Kesihatan Labis bagi mendengar sendiri masalah yang dibangkitkan, di sini hari ini.

Tee Yong yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, walaupun pihak klinik telah menyediakan nombor untuk dihubungi di luar waktu bekerja dan kecemasan mengikut standard prosedur operasi (SOP) yang ditetapkan, namun masih belum ada satu nombor khusus untuk dihubungi sewaktu berlaku kecemasan.

"Pihak klinik sebelum ini telah memohon daripada Kementerian Kesihatan untuk menetapkan satu talian telefon untuk dihubungi, namun tidak diluluskan dan sebagai Ahli Parliment saya merasakannya sebagai satu keperluan.

"Berdasarkan statistik pada tahun lalu, sebanyak 705 kes penggunaan ambulans yang dicatatkan di luar waktu pejabat berbanding 554 kes pada tahun 2013 dan ini menujukkan majoriti penggunaan ambulans adalah ketika kecemasan dan luar waktu bekerja," katanya.

Beliau berharap pemberian telefon tersebut mampu menambah baik perkhidmatan sedia ada dan menasihatkan orang ramai supaya menggunakan saluran yang betul untuk menyampaikan aduan.

Rabu, 7 Disember 2016

2. Jual bayi: Kakitangan kerajaan tidak terlibat

BALIK PULAU 6 Dis. - Kementerian Kesihatan mengesahkan tiada pegawai perubatan kerajaan yang didapati terlibat dalam kegiatan sindiket penjualan bayi di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, hasil siasatan setakat ini mendapati kegiatan penjualan bayi yang didedahkan media antarabangsa baru-baru ini didalangi klinik-klinik swasta.

Namun katanya, siasatan lanjut masih dijalankan dan sekiranya terdapat pegawai kementerian terlibat, tindakan tegas akan diambil termasuk menamatkan perkhidmatan mereka.

"Kegiatan penjualan bayi ini didalangi pihak swasta termasuk mereka yang berselindung di bawah pusat perlindungan gadis-gadis yang terlanjur dan hamil sebelum berkahwin.

"Sindiket ini bukan satu dua sahaja tetapi banyak dan bergerak di seluruh negara, namun kes-kes jenayah termasuk penjualan bayi ini adalah dibawah kuasa pihak polis untuk menjalankan siasatan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau ditemui pemberita selepas melancarkan bot penangkapan ikan dan van pelancongan milik Koperasi Bersatu Pulau Betong Pulau Pinang Bhd., di jeti nelayan Pulau Betong di sini semalam.

Mengulas lanjut, tegas Hilmi, pihaknya sedang memantau dan mengenal pasti beberapa klinik dan pihak-pihak tertentu yang dipercayai terlibat dengan kegiatan penjualan bayi di negara ini.

Menurut beliau, sindiket itu bergerak licik malah ada yang kononnya menyakinkan mereka hanya sekadar menolong waris bayi membuat pendaftaran kelahiran dan menguruskan segala dokumentasi membabitkan proses anak angkat.

"Penjualan bayi ini juga seolah-olah telah menjadi perniagaan dan kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam kegiatan jenayah ini," tegasnya.

Khamis, 8 Disember 2016

3. Kerajaan belanja RM2.38b tanggung subsidi minyak masak

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Kerajaan membelanjakan sejumlah RM2.38 bilion untuk membayar subsidi bagi menstabilkan harga minyak masak untuk keperluan orang ramai, sejak 2013 sehingga April lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Datuk Hasan Arifin berkata, langkah kerajaan memutuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengambil alih pengurusan subsidi minyak masak daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi adalah tepat kerana minyak masak adalah barang kepenggunaan di bawah bidang kuasa KPDNKK.

PAC hari ini mengadakan prosiding terhadap Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 di Dewan Rakyat pada 21 November lepas.

Prosiding itu dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan; Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Dr. Ahmad Kushairi Din dan wakil KPDNKK, Muez Abd. Aziz.

"Hasil daripada prosiding tersebut, perkara yang penting ialah soal penguatkuasaan oleh KPDNKK, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan agensi-agensi lain bagi melaksanakan penguatkuasaan supaya ketirisan tidak berlaku yang boleh menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan jumlah subsidi yang besar," kata Hasan dalam kenyataan di sini, hari ini. - BERNAMA

Jumaat, 9 Disember 2016

4. IPIC: 1MDB nafi penglibatan China

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Tiada sebarang perbincangan dilakukan oleh 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) dengan mana-mana syarikat dari China berhubung masalah pembayaran antara 1MDB dan International Petroleum Investment Company (IPIC).

Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, beliau tidak dimaklumkan mengenai perbincangan seperti yang didakwa dalam laporan Financial Times semalam.

"Saya selaku pengurus, dan tiada sebarang rundingan telah dilakukan. Tiada siapa yang bercakap dengan saya mengenainya," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas perasmian Komuniti Keusahawanan Global 2016 (GEC 2016) di sini hari ini.

Mohd. Irwan Serigar menyatakan demikian bagi menafikan laporan Financial Times yang mendakwa syarikat pelaburan negara tersebut kini sedang berunding dengan firma China bagi membantu menyelesaikan masalah pembayaran antara 1MDB dan IPIC berjumlah AS\$6.5 bilion (RM28.82 bilion).

Laporan itu turut menyebut tiga sumber terdekat 1MDB mendakwa syarikat China telah dihubungi bagi memberikan dana kepada 1MDB.

Menurut laporan itu lagi, Malaysia akan menukar aset untuk pembiayaan (yang diperoleh daripada syarikat China).

Sementara itu, semasa ditemui pada majlis Malaysia Venture Capital Management Berhad (Mavcap) di sini kemudiannya, Mohd. Irwan Serigar ditanya mengenai perkembangan terkini berhubung timbang tara yang difailkan oleh IPIC terhadap 1MDB di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London.

"Setakat ini masih berjalan. Namun, kita sedang menunggu, kita lihatlah apa yang akan berlaku. Belum ada keputusan, tiada keputusan disebut lagi," katanya.

Beliau berkata, seorang juruaudit akan dilantik tidak lama lagi bagi dana milik negara itu.



Khamis, 15 Disember 2016

5. Projek MRT jimat kos RM2b

Hasil kerjasama mantap semua pihak menjayakan pembinaan - Najib

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak berbangga dengan kejayaan projek Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang menjimatkan kos RM2 bilion daripada sasaran RM23 bilion yang diperuntukkan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu adalah hasil kerjasama mantap antara Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) dan pihak-pihak lain yang terlibat seperti Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana), kontraktor, subkontraktor serta pembekal.

Beliau juga gembira dengan komitmen MRT Corp. dalam memastikan fasa 1 MRT laluan Sungai Buloh-Kajang mula beroperasi pada penghujung tahun ini

"Pada awal pembinaan, kerajaan telah menetapkan kos sasaran pada RM23 bilion dan setelah kerja-kerja siap bagi keseluruhan laluan, kos pembinaan sebenar bagi projek ini adalah lebih kurang RM21 bilion.

"Ini bermakna kita berjaya menjimatkan kira-kira RM2 bilion. Syabas saya ucapkan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Operasi Fasa 1 MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang di Stesen Kwasa Damansara, Sungai Buloh dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi MRT Corp., Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar dan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Seri Shahril Mokhtar.

Najib turut menyifatkan projek MRT begitu dekat dengan hatinya kerana ia mempunyai ciri-ciri yang menjadi teras pentadbirannya iaitu 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.'

"Saya tidak mahu slogan ini menjadi retorik politik tanpa ada pengisian... sebab itu, kerajaan ingin menjadikan pengangkutan awam sebagai prioriti tertinggi," katanya.

Beliau memberitahu, projek berkenaan adalah inisiatif bagi menangani keluh-kesah rakyat tentang masalah kesesakan lalu lintas yang teruk di ibu negara.

Perdana Menteri menambah, beliau sendiri telah meletakkan perhatian yang sangat mendalam sepanjang lima tahun pelaksanaan projek tersebut.

"Saya telah membuat lawatan kerja yang kerap untuk melihat sendiri secara dekat setiap kemajuan dan pencapaianya," jelasnya.

Najib juga percaya, Rapid Rail Sdn. Bhd. (Rapid Rail) cukup bersedia untuk mengendalikan perkhidmatan MRT.

Katanya, keyakinan itu bersandarkan kepada pengalaman luas Rapid Rail mengendalikan perkhidmatan transit aliran ringan (LRT), monorel dan bas di seluruh negara.

Khamis, 15 Disember 2016

6. Mara lulus RM1.9 bilion pinjaman pelajaran

KUALA LUMPUR 14 Dis. - Majlis Amanah Rakyat (Mara) telah meluluskan RM1.9 bilion pinjaman pelajaran dalam tempoh Januari hingga 30 November lalu.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dalam tempoh yang sama, sebanyak RM452.7 juta pinjaman perniagaan diberikan kepada 4,334 peminjam.

Beliau berkata, bagi bayaran balik yang dilaksanakan mengikut jadual, sebanyak RM253.3 juta diterima daripada pinjaman pelajaran manakala RM558.7 juta lagi daripada pinjaman perniagaan.

"Pada tahun lalu, sebanyak RM2.3 bilion pinjaman pelajaran diluluskan dan kutipan bayaran balik yang telah diperoleh sebanyak RM249.7 juta.

"Bagi pinjaman perniagaan pula, sebanyak RM708.3 juta diluluskan pada tahun lalu kepada 8,962 peminjam dan kutipan bayaran balik bagi pinjaman itu ialah sebanyak RM662.3 juta," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Ismail Sabri berkata, bagi memastikan pinjaman pelajaran dan perniagaan dikutip mengikut jadual, Mara mengadakan hari bertemu pelanggan, membuat pertemuan dengan peminjam selain sesi penerangan bayaran balik sebelum pelajar bertolak ke luar negara dan pada hari konvokesyen pelajar.

Dalam perkembangan berkaitan, kata beliau, pada masa ini Mara sedang menjalankan kajian terperinci untuk menubuhkan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) berbayar bagi memberikan keutamaan kepada pelajar miskin bandar dan luar bandar mengikuti pengajian di MRSM sedia ada.

Katanya, langkah itu dibuat sejajar dengan polisi pada tahun depan untuk mengutamakan golongan itu sekali gus mengurangkan ruang orang berkemampuan di MRSM biasa dan sebaliknya mereka diberi peluang untuk ditempatkan di MRSM berbayar.

Sementara itu, menjawab celahan **Senator Datuk Megat Zulkarnain Omardin** berhubung Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Kemas Permata, Ismail Sabri menjelaskan, pihaknya turut mengadakan perbincangan bagi mewujudkan lebih banyak Kemas Permata kerana sistem pembelajaran yang diakui sangat baik.

Khamis, 15 Disember 2016

7. Lebih 1.5 juta peminjam PTPTN disenarai dalam CCRIS

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Seramai 1,574,700 peminjam yang gagal membuat bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional(PTPTN) telah disenaraikan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS) sehingga 10 November lalu.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching berkata, nilai keseluruhan pinjaman berjumlah RM32.07 bilion.

Menurutnya, CCRIS bukan satu mekanisme bagi PTPTN untuk menyenaraihitamkan peminjam tegar yang enggan membayar pinjaman seperti tanggapan sesetengah pihak.

"Namun rekod bayaran balik pinjaman dalam CCRIS adalah amalan terbaik semua institusi kewangan bagi memastikan peminjam membuat bayaran balik secara teratur," katanya pada persidangan Dewan Negara di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Ng Chiang Chin mengenai insentif diskaun yang ditawarkan dalam Bajet 2017 dan jumlah terkini pinjaman yang diberikan PTPTN.

Mary Yap berkata, PTPTN telah memberi pinjaman kepada 2.6 juta peminjam sehingga mereka tamat belajar melibatkan peruntukan berjumlah RM59.67 bilion sehingga November lepas.

"Bagi tempoh sama juga, PTPTN menerima bayaran balik sejumlah RM10.07 bilion daripada 1.2 juta peminjam berbanding RM18.84 bilion yang sepatutnya dikutip daripada 1.9 juta peminjam," katanya. - BERNAMA

Khamis, 22 Disember 2016

8. Kementerian Kesihatan jamin tiada pesakit diabai

KUALA LUMPUR 21 Dis. - Setiap doktor pakar di hospital kerajaan perlu memberi keutamaan kepada pesakit biasa sebelum merawat pesakit yang mengambil Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, pesakit yang tidak mampu membayar caj dan kos perkhidmatan di bawah PPBP akan tetap dirawat dan tidak akan diabaikan.

"Pihak kementerian memberi jaminan bahawa etika yang ditetapkan kepada doktor-doktor pakar, mereka mesti merawat pesakit biasa terlebih dahulu sebelum pesakit di bawah PPBP. Jadi tidak timbul mereka mengabaikan pesakit biasa.

"Sebagai contoh dalam kes bersalin pun, jika kedua-dua pesakit sakit hendak bersalin, doktor pakar perlu mengutamakan pesakit biasa dan dalam keadaan ini, perlu memanggil doktor lain untuk membantu pesakit PPBP itu," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen hari ini.

Beliau mengulas dakwaan kemungkinan berlaku pengabaian terhadap pesakit biasa di hospital kerajaan yang tidak mampu membayar berikutan pelaksanaan skim PPBP yang akan diperluaskan di lapan buah hospital kerajaan Januari ini.

Ketika ini, skim PPBP hanya diamalkan di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya serta akan diperluaskan di Hospital Besar Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Temerloh, Ipoh, Kuala Lumpur, Klang dan Seremban.

Skim itu diperkenalkan kementerian bagi memberi pendapatan tambahan kepada doktor-doktor pakar di hospital-hospital kerajaan, sekali gus menggalakkan mereka kekal berkhidmat dengan kerajaan.

Dalam pada itu, beliau berkata, kementerian sentiasa berusaha menambah bilangan doktor-doktor pakar dengan 1,000 pelatih doktor pakar sedang mengikuti latihan di universiti-universiti dalam negara sejak tahun lalu.

"Kita menjangkakan dalam tempoh empat tahun lagi lebih ramai doktor pakar dapat ditambah apabila mereka tamat latihan pada tahun 2019.

"Dalam masa sama, kita sentiasa mencari kaedah untuk mereka kekal berkhidmat dengan kerajaan walaupun hospital-hospital swasta menawarkan pendapatan lebih 10 kali ganda," katanya.



Sabtu, 24 Disember 2016

9. Kapasitor lampu punca kebakaran

Wad ICU Hospital Sultanah Aminah 25 Oktober lalu

SEGAMAT 23 Dis. - Kebakaran Wad Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru, Oktober lalu dikenal pasti berpunca daripada kebakaran kapasitor lampu di bangunan itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, percikan api dari kapasitor itu kemudiannya terkena bahan yang mudah terbakar sebelum api marak dan menjadi tidak terkawal.

"Kami sudah menerima dan meneliti laporan pihak bomba, Jabatan Kerja Raya dan Suruhanjaya Tenaga selain suruhanjaya bebas yang ditubuhkan bulan lalu yang turut menjalankan siasatan mereka.

"Berdasarkan laporan ini, suruhanjaya bebas tersebut akan melihat semula prosedur-prosedur yang terdapat di kementerian dan mereka yang diberi tanggungjawab menjaga perkhidmatan sokongan di hospital," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Segamat berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Bekalan Peralatan Program 1Azam Parlimen Segamat di Balai Raya Taman Yayasan, di sini hari ini.

Dalam kejadian pukul 9 pagi 25 Oktober lalu, enam pesakit masing-masing empat wanita dan dua lelaki yang sedang dirawat di ICU maut manakala tiga jururawat cedera selepas bangunan induk HSA terbakar.

Subramaniam berkata, proses membaik pulih bangunan HSA yang terbakar sedang berjalan dan dijangka mengambil masa enam bulan untuk disiapkan sepenuhnya sebelum usaha menambah baik perkhidmatan sedia ada dilakukan bagi mengurangkan kesesakan.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, Jabatan Kesihatan Perak sudah menjalankan ujian darah bagi mengesan penularan wabak malaria dalam kalangan 4,500 penduduk di 12 perkampungan Orang Asli di Gerik, Perak termasuk Kampung Orang Asli Pos Kemar.

"Daripada jumlah tersebut, 130 orang disyaki menghidap malaria dan semasa ujian berkenaan dijalankan, ada beberapa orang yang dikesan mempunyai parasit malaria dalam darah mereka walaupun tidak menunjukkan sebarang gejala penyakit tersebut.

"Walaupun tiada sebarang tanda, mereka tetap boleh dijangkiti melalui gigitan nyamuk yang menggigit pesakit sebelum merebakkan parasit malaria kepada orang lain. Kesemua mereka akan menjalani rawatan dua minggu di hospital bagi membunuh parasit tersebut," katanya.

10. Kos tidak lagi relevan

Pembinaan KVMRT bernilai RM40 bilion dijadikan perbandingan

KUALA LUMPUR 24 Dis. - Kos pembinaan Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT) sebanyak RM40 bilion sudah tidak lagi relevan untuk dijadikan perbandingan kerana anggaran itu berdasarkan harga pada tahun 2009.

Dalam satu kenyataan hari ini, Mass Rapid Transit Corp. Sdn. Bhd. (MRT Corp.), menjelaskan, kos itu juga tidak meliputi tren elektrik, sistem berkaitan serta pengambilalihan tanah-tanah.

Kenyataan itu sebagai mengulas komen Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli yang menyifatkan KVMRT sebagai projek 'tidak menguntungkan'.

Jelas MRT Corp., angka berkenaan diperoleh daripada cadangan konsep pada 2010 yang pada asalnya dikemukakan menerusi cadangan sektor swasta bagi projek KVMRT tiga laluan (dibina secara serentak) kepada kerajaan.

"Namun selepas dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), kerajaan melakukan semakan dan kajian cadangan itu yang menyebabkan model projek KVMRT itu diubah secara ketara pada 2010.

"Bercanggah dengan kenyataan Rafizi, projek KVMRT hari ini bukanlah projek yang diswastakan. Ia adalah milik dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan menerusi MRT Corp.," katanya.

Mengulas lanjut, MRT Corp. berkata, sebaik pemuktamadan proses pengesahan jajaran dan pemerolehan Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), syarikat itu mengumumkan pada Disember 2012 bahawa bajet kos pembinaan SBK itu adalah RM23 bilion.

MRT Corp. turut memperoleh kos anggaran Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) sebanyak RM32 bilion berdasarkan tender yang ditawarkan bagi pembinaan laluan berkenaan.

Kesemua tender-tender bagi laluan SBK dan SSP diserahkan menerusi sistem tender terbuka.

Mengulas cadangan Laluan 3, MRT Corp. sentiasa menegaskan bahawa kajian kebolehlaksanaan itu sedang dijalankan dan keputusannya dijangka diketahui pada suku pertama 2017.

Atas alasan itu, MRT Corp. tidak mungkin dapat menyatakan anggaran sebenar kos Laluan 3 dan mana-mana angka yang dilaporkan adalah bersifat spekulatif kerana dibuat oleh pihak lain.

"Kami kecewa kerana Rafizi cuba mempolitikkan suatu projek yang jelas sekali memberi manfaat kepada awam. Bagaimanapun, MRT Corp. akan terus memberi tumpuan (kepada usaha-usaha) memastikan kelancaran Laluan SBK manakala fasa kedua projek itu dapat disiapkan mengikut jadual," katanya.

Bagi minggu pertama operasi fasa pertama MRT SBK, kira-kira 210,000 penumpang menggunakan perkhidmatan itu yang membuktikan penerimaan serta keterujaan orang ramai terhadap kemudahan itu. - BERNAMA



Sabtu, 24 Disember 2016

11. Seleleweng dana RM61.48j

Bekas pengarah, isteri, serta bekas timbalan pengarah didakwa

KOTA KINABALU 29 Dis. - Selepas menjalankan siasatan selama hampir tiga bulan membabitkan jumlah dokumen sehingga setinggi bangunan dua tingkat dan hampir 100 individu dirakam percakapan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini mendakwa bekas Pengarah Jabatan Air Sabah, Awang Mohd. Tahir Mohd. Talib, 54, bagi kesalahan menyeleweng dana infrastruktur air negeri.

Pendakwaan di hadapan Hakim Ummu Khaltom Abdul Samad di Mahkamah Sesyen di sini itu mendapat tumpuan apabila isteri Awang Mohd. Tahir iaitu Fauziah Piut, 51, dan bekas timbalan pengarah jabatan itu yang telah bersara, Lim Lam Beng, 62, turut didakwa atas kesalahan pengubahan wang haram.

Awang Mohd. Tahir sebagai tertuduh pertama berdepan dengan 12 pertuduhan iaitu memiliki secara haram sebanyak RM56.9 juta yang ditemukan di rumah dan keretanya serta di dalam akaun bank, beberapa kenderaan mewah dan 86 utas jam tangan mewah.

Beliau dan isteri didakwa melakukan kesalahan itu di Graceville, Sembulan pada Oktober lalu.

Sementara itu, Fauziah yang ditahan oleh SPRM semalam berdepan dengan 19 pertuduhan iaitu kesalahan memiliki secara haram wang sebanyak RM2.2 juta di dalam akaun bank di Sabah dan Semenanjung termasuk lebih RM600,000 dalam unit pelaburan dan 93 utas beg tangan daripada pelbagai jenama terkemuka di rumah mereka pada Oktober serta November lalu.

Selain pertuduhan individu, pasangan suami isteri berkenaan turut dituduh atas dua kesalahan iaitu secara bersama memiliki sebanyak 921 jenis pelbagai barang kemas dan barang mewah yang tidak dinyatakan nilainya di lokasi sama pada bulan Oktober.

Dalam pada itu, Lam Beng yang juga merupakan bekas penasihat kewangan di Kementerian Kewangan negeri berdepan empat pertuduhan memiliki kereta mewah dan wang tunai secara haram berjumlah RM2.38 juta di beberapa lokasi pada Oktober serta November lalu.

Kesemua tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap setiap pertuduhan dan bagi pertuduhan individu, mereka didakwa di bawah Seksyen 4(1)(b) Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA) 2001.

Pertuduhan bersama antara Awang Mohd. Tahir dan isterinya pula dibuat mengikut akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Selepas mendengar hujah daripada pihak pendakwaan dan pembelaan, Ummu Khaltom memberi kebenaran Awang Mohd. Tahir diikat jamin sebanyak RM10 juta dengan dua penjamin, isterinya sebanyak RM2 juta berserta dua penjamin dan Lam Beng sebanyak RM1 juta oleh dua penjamin.